



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 12/1976**

**Perwakilan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah  
Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 12/1976**

**Perwakilan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965  
(Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah tentang keperluan mengetahui bahawa beberapa kuasa di bawah Kanun Tanah Negara 1965 telah diwakilkan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada mereka dari semasa ke semasa.

2. Di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah di mana kuasa dan perwakilan kuasa tersebut hendaklah diisytiharkan dalam *Warta*.

3. Bagi setiap pegawai yang ada kaitan atau mempunyai tugas dalam memproses sesuatu permohonan yang perlu diputuskan mengikut kuasa-kuasa yang diwakilkan itu, satu salinan *Warta* perlu diberi untuk panduannya. Pegawai-pegawai tersebut ialah:

- (a) Pegawai yang bertanggungjawab merangka draf kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan;
- (b) Pegawai yang bertanggungjawab membuat apa-apa syor mengenai permohonan-permohonan berkaitan tanah;
- (c) Pegawai Petempatan yang melaporkan sesuatu permohonan dan kerani yang bertanggungjawab bagi unit berkaitan dengan kerja-kerja di perenggan (b) di atas.

4. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya memastikan bahawa salinan-salinan *Warta* yang menyatakan perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pentadbir Tanah dibekalkan kepada pegawai yang dirujuk di perenggan 3 di atas untuk panduan mereka.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**